

**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)**

Volume 5, Issue 12, December 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com**Penelitian Impak Projek Pembangunan Pesat yang dilaksanakan di Wilayah Iskandar, Malaysia****Mohamad Ridzuan Mohamad Dzakhir¹, Zurinah Tahir¹, Habibah Ahmad¹**¹Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Correspondence: Habibah Ahmad (ha@ukm.edu.my)

Abstrak

Pembangunan merupakan antara salah satu sektor terpenting bagi memacu kemajuan negara disebabkan oleh taraf hidup masyarakat dinilai berdasarkan pembangunan sesebuah kawasan. Pembangunan pambangunan menerusi projek mega yang berlaku secara pesat ini telah memberi kesan limpahan dalam bentuk perubahan tanah serta aspek sosio-ekonomi, persekitaran fizikal dan sosio-budaya penduduk yang turut terkesan akibat daripada proses tersebut terjadi. Oleh itu, objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti projek-projek pembangunan pesat yang terdapat di kawasan Wilayah Iskandar yang memberi limpahan kemajuan. Kajian yang dijalankan di selatan tanah air ini adalah berbentuk kuantitatif dengan sejumlah responden yang dikumpulkan dari kawasan-kawasan tertentu sehingga membentuk sebuah bilangan responden seramai 216 orang. Kesemua responden yang dikaji ini merupakan responden yang berasal dari dua taman dan dua kampung yang berbeza di kawasan Gelang Patah bagi melihat impak pembangunan bandar Wilayah Iskandar di kawasan ini. Data yang diperolehi daripada kajian lapangan akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS, analisis frekuensi deskriptif dan interpretasi skor min. Hasil Penemuan kajian mendapati projek pembangunan kesihatan merupakan projek pembangunan yang mencatatkan nilai tertinggi kerana ia merupakan projek pembangunan yang nyata dan didirikan di pelbagai kawasan di seluruh Wilayah Iskandar. Kemajuan kawasan pembangunan mega di Wilayah Iskandar telah memberi impak yang mendalam terhadap perubahan kepada sektor pekerjaan dan pertambahan jumlah pekerjaan bagi masyarakat tempatan. Setiap projek pembangunan yang dijalankan di sesebuah kawasan pasti memberikan impak kepada kawasan dan masyarakat sekeliling dan ia perlu diseimbangkan dengan sebaik mungkin oleh pihak yang bertanggungjawab bagi meningkatkan produktiviti sumber manusia di Malaysia.

Kata kunci: projek pembangunan, pesat, wilayah Iskandar, lestari, masyarakat**Impact of Intensive Development Projects in Wilayah Iskandar, Malaysia****Abstract**

Infrastructure development is an important driver of progress in the country as living standards of the people are often gauged from how well an area is developed. Mega-projects that result in intensive urban developments have given rise to a spillover of changes in topography, socio-economy, physical surroundings and social culture of the residents who are affected. The principal objective of this study is to identify intensive development projects in the Wilayah Iskandar area that have brought about spillover effects. The quantitative study was undertaken in the south of the country to examine the

impact of the development in the region. The study involved a sample of 216 respondents from two housing estates and two villages in Gelang Patah. The data gathered from this field study were examined using SPSS software for descriptive frequency analysis and the comparison of mean scores. The results of the study indicated that the health development project was considered the most useful and purposeful. This is a prominent project spread over various areas in Wilayah Iskandar. Progress in the mega-developmental area in Wilayah Iskandar has made impactful changes in the work sector and has increased job opportunities for the local populace. Such development projects need to be complemented by appropriate action of the authorities to raise manpower productivity of Malaysia.

Keywords: developmental project, intensive, Wilayah Iskandar, sustainable, community

Pengenalan

Pembangunan merupakan sebuah elemen penting yang diperlukan bagi sesebuah negara untuk mengecapi gelaran negara maju. Oleh hal yang demikian, pelbagai jenis bentuk pembangunan yang diperlukan bagi menjadi serta mengekalkan status negara maju yang mempunyai kestabilan daripada pelbagai aspek. Pembangunan yang disebut ini turut meningkatkan kualiti hidup masyarakat di mana dengan wujudnya aliran-aliran ekonomi di sesuatu negara, ia turut mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan mampu mengatasi masalah kemiskinan dan seterusnya mengurangkan penghijrahan dari desa ke bandar (Yahaya, 2009). Dalam mencapai status negara maju, pembangunan ekonomi dan sosial seharusnya beriringan serta melengkapinya antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana, menurut Zulkarnain et al. (2008), pembangunan sosial merupakan sebahagian daripada sektor sosial bukan sahaja menggambarkan keinginan masyarakat untuk hidup sejahtera dan saksama tetapi kebebasan daripada belenggu penjajahan membolehkan ahli masyarakat terlibat dalam proses pembangunan yang menjurus kepada kehidupan yang berkualiti tinggi. Perkara tersebut turut menunjukkan bahawa pembangunan negara bergantung kepada pembangunan kedua-dua aspek ini yang menjadi tunggak kepada kemajuan negara kerana kedua-dua aspek ini saling memerlukan antara satu sama lain. Pembangunan yang dilakukan seharusnya bersifat maju serta lestari kerana kawasan perbandaran mega lestari itu seharusnya mempunyai ekonomi yang segar-berkembang untuk dapat menyara warganya dengan menyediakan pekerjaan, lengkap prasarana fizikal dan sosial, sihat, selamat dalam satu keadaan kehidupan bandar berhemah, beretika dan bersesuaian dengan tanggungjawab terhadap persekitaran-tabii dan binaan, penggunaan tenaga dan sumber (Abdul Samad, 2010). Pembangunan yang dilaksanakan pada masa kini sepatutnya mampu menampung keperluan manusia serta keperluan makhluk-makhluk lain yang turut hidup di muka bumi ini.

Pembangunan dan pambandaran yang pesat di sesuatu kawasan sedikit sebanyak memberi impak sama ada impak di kawasan sekelilingnya. Penyelidikan yang dilakukan ini memfokuskan kepada kawasan Gelang Patah yang pada asalnya merupakan sebuah kawasan kampung atau luar bandar yang banyak menjalankan aktiviti ekonomi berasaskan pertanian dan perikanan (Lembaga Pertubuhan Peladang, 2006) Pembangunan dan pambandaran yang dilaksanakan mengakibatkan bahawa sebahagian besar kawasan pinggir bandar seperti di kawasan Gelang Patah mengalami proses perkembangan bandar di sekitar wilayah metropolitan yang mempengaruhi ciri dan pola kejiranan di kawasan desa-bandar serta mempamerkan ciri-ciri yang unik kerana kedudukannya di zon transisi desa-bandar Katiman et al. (2011). Kawasan pinggir bandar ini juga dijangka akan sedikit sebanyak terkesan dengan impak pembangunan dari pelbagai aspek dan sudut seperti perubahan fasiliti, pendidikan, ekonomi, gaya hidup, pekerjaan dan perumahan. Proses yang dilaksanakan ini sedikit sebanyak akan memberikan kesan kepada masyarakat awam kerana manusia terus berusaha cuba mendapat kesejahteraan hidup dari peningkatan taraf hidup yang lebih baik di bandar walaupun itu tidak semestinya diperolehi (Anuar, 2004).

Wilayah Iskandar merupakan sebuah bandar baharu yang dibangunkan melalui transformasi ekonomi melalui program pembangunan wilayah seperti yang dilaksanakan di Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia, di selatan negeri Johor Pembangunan Wilayah Iskandar ini merupakan salah sebuah daripada lima zon pembangunan utama dalam projek pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dan

ia dikemudi oleh tiga tunggak utama atau teras yang dikenali sebagai pembangunan bangsa, pertumbuhan dan penciptaan nilai serta pengagihan adil dan saksama pemegang saham (Selvandran, 2012). Gelang Patah merupakan sebuah pekan kecil yang sememangnya wujud di dalam Wilayah Iskandar yang mana kawasan di pekan ini masih lagi berada dalam klasifikasi kawasan luar bandar dan agak tersisih serta miskin (Katiman et al., 2011). Oleh hal yang demikian, pembangunan Wilayah Iskandar di kawasan selatan Johor ini turut memberikan tumpuan bukan sahaja pelabur luar, namun ia turut memberi fokus kepada masyarakat lokal bagi mempertingkatkan taraf hidup mereka. Hal ini dapat mengambil contoh iaitu pembukaan Cyberjaya dan Putrajaya yang pernah menjalani proses pembangunan bandar baru pusat pentadbiran yang menyebabkan perpindahan penduduk etnik India yang tinggal di Ladang Perang Besar dan beberapa buah ladang lain ke tempat lain (Bunnell, 2002).

Kajian Literatur

Limpahan Pembangunan

Pembangunan mempunyai pelbagai konsep tersendiri yang digunakan mengikut perspektif atau perkara yang sedang diaplikasikan. Konsep ini sering kali dirujuk pada pelbagai tema yang sedang diguna pakai sebagai contoh adalah seperti pembangunan sosial, pembangunan fizikal mahupun pembangunan sahsiah. Oleh itu, definisi pembangunan sendiri perlu dilihat pada subjek utama yang sedang diketengahkan. Sebelum menganalisis dengan lebih mendalam, lebih baik konsep-konsep dalam kajian ini diteliti terlebih dahulu. Menurut Asan (2008), pembangunan merupakan sebuah proses peralihan ke hadapan kepada sistem sosial seperti peningkatan produktiviti, keseimbangan ekonomi dan sosial, pengetahuan moden, kewujudan institusi-institusi moden dan peralihan kepada sikap yang lebih baik. Pembangunan pada masa kini menjadi teras dan pengukur kepada peningkatan kualiti hidup di sesebuah negara dan menjadi penanda aras kualiti kehidupan masyarakat di negara tersebut.

Pembangunan ini turut dilihat dari segi taraf atau kualiti kehidupan yang semakin memuncak yang dihadapi oleh sesebuah negara serta sumber manusianya untuk menjadi sebuah negara yang lebih maju ke hadapan. Hal ini berkait rapat dengan pembangunan daripada perspektif sosial iaitu pembangunan peradaban manusia dalam lingkaran sejarahnya telah melalui tahap-tahap yang jelas iaitu daripada tahap perburuan secara nomadik kepada penempatan secara agrarian, seterusnya kepada proses-proses perbandaran, pengkomersialan dan perindustrian (Hashim & Rozita, 2013). Selanjutnya, konsep pembangunan yang luas fokusnya ini turut dapat didefinisikan dalam bentuk pembangunan manusia. Walaupun fokus asas pembangunan adalah tertakluk pada pembangunan ekonomi, namun pembangunan juga perlu merangkumi pembangunan manusia bagi membentuk sahsiah masyarakat yang berkualiti di samping menitikberatkan kemajuan ekonomi sepanjang masa. UNDP (2010) menyatakan bahawa konsep pembangunan manusia ini merangkumi tiga kriteria utama iaitu jangka hayat dan kesihatan berpanjangan, pengetahuan serta standard hidup yang baik yang mana ia diukur daripada jangka hayat semasa lahir, min tahunan dan jangkaan tahun persekolahan serta pendapatan negara kasa per kapita pada pembelian pariti.

Limpahan pembangunan ini dapat ditakrifkan sebagai tanah atau kawasan yang telah kehilangan ciri-ciri pedalaman namun masih belum dapat didefinisikan sebagai sebuah bandar termasuklah ketidakpastian yang seterusnya mengakibatkan pelbagai masalah timbul seperti pertumbuhan bandar yang tidak dirancang dan ia bukannya bertujuan untuk melakukan pertanian (Zuhal, 2016). Limpahan pembangunan yang terjadi hasil daripada pembangunan dan perbandaran yang pesat ini dapat dicirikan daripada penyebaran kependudukan bandar yang selanjutnya memberi kesan ataupun pengaruh kepada kawasan luar bandar serta memiliki jumlah kependudukan yang rendah.

Seterusnya, limpahan pembangunan yang terhasil akibat daripada lebih pembangunan di kawasan bandar merupakan sebuah kawasan yang baharu yang tidaklah tergolong dalam kawasan pusat bandar mahupun kawasan luar bandar. Ia mempunyai ciri-ciri yang tersendiri seperti menurut Brueckner (2000), limpahan pembangunan ini merujuk kepada lebih pembangunan bandar baharu. Ini mengakibatkan berlakunya peningkatan ketidaksamarataan pendapatan, ketidakjaminan pekerjaan, penurunan pusat bandar, peningkatan kos perumahan, perjalanan yang panjang, masalah persekitaran,

kepuasan sepsis, kehilangan tanah pertanian, rasa pengasingan, peningkatan tekanan darah, ketegangan otot, kekurangan toleransi, disorientasi psikologi dan juga pembunuhan serta kekacauan (Gordon & Richardson, 2000).

Projek Pembangunan yang Menjadi Faktor Pendorong Pembangunan Pesat Bandar

Bandar merupakan sebuah elemen penting bagi menjamin pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara kerana ini, bandar dianggap sebagai enjin pertumbuhan yang merangkumi aspek demografi, elemen fizikal dan ruang, sosioekonomi, sosiobudaya dan pentadbiran (Mohd Yusof, 2013). Dengan ini, tidak dapat dinafikan bahawa bandar memainkan peranan penting dalam menjadi ejen pertumbuhan utama sama ada dari sudut pertumbuhan ekonomi mahupun sosial di sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa projek pembangunan yang menjadi faktor kepada peningkatan jumlah bandar-bandar sama ada bandar tersebut merupakan bandar kecil mahupun bandar besar.

Pembangunan Perindustrian

Pembangunan yang dikecapi dari hari ke hari menyebabkan berlakunya anjakan perubahan terhadap sektor ekonomi dunia pada hari ini. Sektor ekonomi yang kian memuncak pada zaman kini merupakan ekonomi yang berasaskan sektor sekunder ataupun sektor perindustrian yang melibatkan kecekapan teknikal dan perubahan teknologi di Malaysia (Chandran & Pandiyan, 2008). Peningkatan sektor sekunder ini selanjutnya semakin banyak memberi kesan kepada pembukaan bandar atau perbandaran dunia pada hari ini. Sektor perindustrian yang semakin memuncak dalam dunia hari ini memberi peluang kepada masyarakat dalam mempertingkatkan kualiti dan taraf hidup mereka. Hal ini demikian kerana pembukaan kilang-kilang perindustrian ini menyebabkan permintaan terhadap kemudahan-kemudahan asas di sesebuah kawasan tersebut dipertingkatkan bagi memastikan sektor perindustrian ini berjalan dengan lancar dan efisien. Peningkatan kilang-kilang ini turut menyebabkan bilangan penduduk di sesebuah kawasan tersebut meningkat saban hari dan menyebabkan pelbagai kemudahan-kemudahan sampingan didirikan bagi menampung masyarakat di kawasan tersebut.

Proses perindustrian yang dialami pada dunia hari ini turut banyak memberi kesan kepada ekonomi-ekonomi setempat disebabkan oleh pertambahan penduduk akibat daripada peningkatan peluang pekerjaan di sesebuah kawasan. Pertambahan penduduk hasil daripada peningkatan permintaan tenaga sumber manusia ini meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti yang berlaku di sesebuah kawasan selanjutnya mengakibatkan terjadinya pembukaan bandar berlaku di kawasan tersebut. Sesebuah bandar yang berdaya saing berupaya menghasilkan produk terkhusus iaitu melalui pengklusteran industri yang menggabungkan sektor ekonomi pembuatan dan perkhidmatan bagi menghasilkan pendapatan bandar yang tinggi secara berterusan. Oleh hal yang demikian, bandar berdaya saing berupaya menjana pertumbuhan ekonomi mapan di samping meningkatkan penawaran peluang pekerjaan dan taraf hidup yang lebih tinggi kepada penduduknya (Fatimah et al., 2008).

Pembangunan Kemudahan Pendidikan

Pembangunan bandar-bandar baharu merancakkan lagi peningkatan aksesibiliti kepada kemudahan-kemudahan yang diperlukan pada masa kini. Pendidikan merupakan salah sebuah keperluan yang amat diperlukan pada masa kini agar kemajuan dapat seiring dengan globalisasi dunia. Pembangunan bandar mempertingkatkan kemudahan-kemudahan yang wujud di bandar-bandar termasuklah dari perihal pendidikan. Hubungan pembangunan infrastruktur dengan pembangunan komuniti Malaysia boleh dikatakan bahawa cuba untuk meningkatkan ekonomi komuniti seperti pendapatan dan sosial seperti pendidikan (Noraniza et al., 2011). Selain itu, pembangunan bandar-bandar baharu juga memberikan peluang yang cerah kepada masyarakat setempat dan juga masyarakat Malaysia untuk migrasi ke kawasan tersebut. Peluang-peluang yang terbuka tersebut adalah merangkumi daripada bidang pendidikan dan pendapatan.

Seterusnya, pembangunan bandar pada zaman kini juga turut menitikberatkan pelbagai aspek-aspek penting yang perlu diambil berat oleh masyarakat waktu kini. Menurut Katiman et al. (2011) Nusajaya dirancang secara terpadu dan lestari dengan pelbagai aktiviti perniagaan, perkhidmatan meliputi

pendidikan, kesihatan dan pelancongan selain pembuatan termaju untuk menjadi sebuah metropolis yang kondusif bagi kehidupan moden. Perancangan yang teratur ini menunjukkan bahawa pembangunan bandar-bandar pada masa kini turut merancang pembangunan secara holistik sebagaimana di Nusajaya sendiri, mereka mewujudkan hub-hub pendidikan yang menyatukan pusat-pusat pendidikan yang terdapat di Johor Bahru.

Pembangunan Kemudahan Kesihatan

Pembangunan kemudahan kesihatan menjadi antara salah sebuah faktor kepada pembangunan yang kian memuncak pada saban hari di kawasan-kawasan pembandaran. Pembangunan kesihatan merupakan antara salah sebuah keperluan sosial yang diperlukan masyarakat bagi meningkatkan tahap kesihatan dari hari ke hari bagi mendapatkan kualiti dan tahap hidup yang tinggi. Oleh hal yang demikian, pembangunan yang dibangunkan mengikut keperluan-keperluan asas manusia ini dibangunkan sejajar dengan matlamat dan strategi pembangunan wilayah yang digariskan di bawah dasar Wilayah Negara yang menjadi kayu ukur kepada setiap proses pembangunan seperti (i) mengoptimalkan penggunaan faktor-faktor dan sumber-sumber ekonomi negara dan seterusnya mencapai pertumbuhan ekonomi serta pendapatan yang tinggi bagi penduduk dan negara keseluruhannya; serta (ii) dirangsang oleh keperluan sosial dan politik (Rosniza et al., 2011).

Selain itu, peningkatan pembangunan kemudahan kesihatan juga turut menyediakan kepelbagaian perkhidmatan kesihatan yang dapat menjamin tahap kesihatan sesebuah masyarakat di samping mengurangkan kadar kematian dan meningkatkan kadar kelahiran. Menurut Zulkarnain et al. (2008), usaha berterusan secara berperingkat perkhidmatan kesihatan luar bandar membolehkan kualitinya berubah serta peluasan perkhidmatan kesihatan terutama pada dua abad awal selepas merdeka merupakan hasil daripada peningkatan dalam populasi. Peningkatan tahap dan taraf kesihatan bagi sesebuah kawasan juga banyak mempengaruhi serta mempertingkatkan produktiviti bagi masyarakat di sesebuah kawasan dan ianya mampu menjadi daya tarikan kepada pertumbuhan penduduk di sesebuah kawasan memandangkan kemudahan kesihatan merupakan antara salah satu keperluan bagi dunia masa kini.

Metod Kajian

Kaedah kajian ini dilaksanakan secara kaedah kuantitatif. Berdasarkan kepada data yang diperoleh daripada Majlis Perbandaran Iskandar Puteri (MBIP), jumlah populasi bagi kesemua kampung dan taman adalah sebanyak 13,292 orang. Menggunakan kaedah persampelan Yamane (1967), maka jumlah saiz sampel yang diambil adalah seramai 216 orang responden telah dipilih sebagai saiz sampel kajian ini. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik merupakan kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif, namun pengkaji telah memilih persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan bagi melaksanakan kajian ini. Kaedah ini dipilih kerana persampelan ini merujuk kepada saiz sampel bagi sesebuah sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja yang dipilih sebagai responden kajian. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji faktor-faktor pembangunan Wilayah Iskandar dan impaknya terhadap masyarakat Gelang Patah dan hanya subjek-subjek kajian yang menetap serta mempunyai pengalaman dalam menjadi saksi perubahan kawasan Gelang Patah sahaja yang dipilih sebagai responden. Kajian ini telah dilaksanakan dengan pembahagian tiga bahagian utama instrumen soal selidik iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Dalam bahagian A, latar belakang atau demografi responden. Soalan-soalan bagi mengenal pasti demografi responden ini adalah merangkumi soalan berkenaan dengan jantina, umur, etnik/bangsa, maklumat petempatan, tahap pendidikan dan jenis pekerjaan. Seterusnya pada bahagian B pula, bahagian ini merupakan bahagian bagi mengenal pasti projek-projek pembangunan pesat yang sedang dan telah dilaksanakan di kawasan Wilayah Iskandar. Bahagian B ini merangkumi maklumat-maklumat khas daripada Wilayah Iskandar yang telah terbahagi kepada beberapa sektor seperti sektor kilang perindustrian, sektor pelancongan, sektor kesihatan dan sektor pendidikan. Perkara-perkara ini turut disertakan adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan di kawasan Wilayah Iskandar sehingga memberi impak ekonomi serta sosial kepada kawasan Gelang Patah. Selain itu,

borang selidik pada bahagian C yang mempunyai soalan-soalan berkenaan dengan kesan-kesan pembangunan pesat di kawasan Wilayah Iskandar terhadap sosioekonomi masyarakat Gelang Patah.

Hasil Kajian

Dalam bahagian ini, terdapat tiga bahagian yang telah diagihkan oleh pengkaji bagi mengenal pasti projek-projek pembangunan pesat yang didirikan di Wilayah Iskandar. Data yang telah dianalisis ini akan mendedahkan tentang projek-projek pembangunan yang menjayakan pembangunan mega Wilayah Iskandar. Pembangunan Wilayah Iskandar merupakan sebuah projek mega yang telah mempunyai pelbagai perancangan mengikut penganalisan dan perancangan yang telah dilakukan. Penganalisan data ini telah dibahagikan kepada tiga kategori projek pembinaan yang berbeza seperti projek pembangunan kilang perindustrian, projek pembangunan kesihatan dan projek pembangunan pendidikan. Perkara ini turut juga dapat memberikan pendedahan kepada pengkaji mengikut fokus pembangunan yang ditumpukan.

Sektor Perindustrian

Dalam bahagian ini, dapatan akan menjelaskan tentang jenis-jenis projek pembangunan yang dilaksanakan bagi aspek kilang perindustrian di Wilayah Iskandar. Berdasarkan kesemua empat pernyataan yang dikemukakan oleh pengkaji dalam Jadual 1 bagi bahagian “Kilang Perindustrian” nilai min keseluruhan yang dicatatkan bagi sektor ini ialah sebanyak 3.88. Bagi pernyataan pertama iaitu pembangunan kilang elektronik seperti *YEH Brothers* mempertingkat kemahiran penggunaan mesin dan teknologi terkini, pernyataan ini mencatatkan nilai min sebanyak 3.81 dan mencatatkan peratusan tertinggi bagi skala Setuju iaitu 57.4% yang mewakili jumlah responden seramai 124 orang. Skala berikutnya iaitu skala Sederhana Setuju mencatatkan peratusan 27.3% dengan jumlah responden seramai 59 orang. Manakala bagi skala Sangat Setuju dan Tidak Setuju mempunyai peratusan sebanyak 28% (13 orang) dan 5% (1.9%) bagi setiap skala. Skala yang paling sedikit dipilih responden ialah skala Sangat Tidak Setuju dengan peratusan 0.5% yang mewakili seorang responden. Berdasarkan analisis jawapan yang telah didapati, masyarakat Gelang Patah secara umumnya mengetahui jenis-jenis projek perindustrian yang dapat memberi manfaat kepada mereka.

Seterusnya bagi pernyataan pembangunan kilang *Biocon* mengaplikasikan penggunaan teknologi penyelidikan yang canggih serta bertaraf antarabangsa, nilai min bagi pernyataan ini adalah sebanyak 3.93. Dalam pernyataan ini, skala yang mendapat peratusan tertinggi antara semua ialah pada skala Setuju dengan peratusan 52.8% (114 orang). Skala yang kedua tertinggi pula ialah pada skala Sederhana Setuju dan diikuti oleh skala Sangat Setuju dengan peratusan dan jumlah responden bagi setiap skala tersebut adalah 25.9% (56 orang) dan 20.4% (44 orang). Skala Tidak Setuju pula mencatatkan peratusan paling sedikit iaitu 0.9% yang mewakili jumlah responden seramai 2 orang. Namun, skala Sangat Tidak Setuju tidak memiliki sebarang responden yang telah memilih jawapan ini. Analisis yang dilakukan ini menunjukkan majoriti responden dalam kawasan kajian mempunyai pengetahuan-pengetahuan tentang kilang-kilang besar yang didirikan di kawasan Wilayah Iskandar.

Selain itu, bagi pernyataan pembangunan kilang-kilang petrokimia, minyak dan gas seperti *Onesubsea International (M) Systems* mempertingkat pengetahuan tentang teknologi masa kini dan masa hadapan, nilai min yang dicatatkan daripada pernyataan ini adalah sebanyak 3.81. Skala yang mempunyai peratusan tertinggi antara skala-skala yang lain ialah skala Setuju iaitu dengan peratusan sebanyak 50.5% dengan jumlah responden seramai 109 orang. Selain itu, skala ini pula diikuti dengan skala Sederhana Setuju dan Sangat Setuju dengan peratusan sebanyak 22.7% (49 orang) dan 19.4% (42 orang). Bagi skala Tidak Setuju pula, peratusan mencatatkan sebanyak 6.5% iaitu mewakili bilangan responden 14 orang dan skala Sangat Tidak Setuju hanya mempunyai jumlah peratusan 0.9% yang mewakili 2 orang responden bagi pernyataan ini. Menurut hasil analisis daripada dapatan kajian tersebut, penduduk setempat di Gelang Patah umumnya mempunyai pendidikan berkenaan dengan sektor-sektor perindustrian yang dilaksanakan di kawasan Wilayah Iskandar.

Bagi pernyataan terakhir iaitu pembangunan kilang pemprosesan makanan seperti *Palsgaard* meningkatkan kemahiran dan teknikal sumber tenaga manusia dalam pengendalian makanan yang diproses seperti makan dalam tin dan sebagainya pula, nilai min yang dicatatkan pula adalah sebanyak 4.00 berserta skala tertinggi yang dipilih oleh kebanyakan responden di kawasan-kawasan kajian ialah skala Setuju dengan jumlah peratus sebanyak 51.4% (111 orang). Manakala, skala kedua tertinggi yang dipilih pula ialah skala Sangat Setuju dengan jumlah peratus sebanyak 25.5% yang mewakili jumlah responden 55 orang. Skala Sederhana Setuju dan Tidak Setuju pula mempunyai jumlah peratusan responden sebanyak 20.4% dan 2.8% dia mana jumlah responden bagi kedua-dua skala ini ialah seramai 44 orang dan 6 orang. Perkara tersebut jelas menunjukkan bahawa pembangunan kilang memproses makanan banyak memberi manfaat tentang penggunaan teknikal masa kini bagi memenuhi keperluan dan kehendak perindustrian masa kini dan masa hadapan. Projek-projek pembangunan kilang perindustrian yang mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 3.88 menunjukkan bahawa pembangunan ini merupakan antara titik penolak bagi kemajuan kawasan Gelang Patah sama ada kawasan bandar mahupun luar bandar.

Jadual 1: Sektor Kilang Perindustrian

Perkara	Kekerapan dan Peratusan (%)					Min	Tahap Kepentingan
	1	2	3	4	5		
Pembangunan kilang elektronik seperti <i>YEH Brothers</i> mempertingkatkan kemahiran penggunaan mesin dan teknologi terkini	1 (0.5)	5 (1.9)	59 (27.3)	124 (57.4)	28 (13)	3.80	Tinggi
Pembangunan kilang <i>Biocon</i> mengaplikasikan penggunaan teknologi penyelidikan yang canggih serta bertaraf antarabangsa.	-	2 (0.9)	56 (25.9)	114 (52.8)	44 (20.4)	3.93	Tinggi
Pembangunan kilang-kilang petrokimia, minyak dan gas seperti <i>Onesubsea International (M) Systems</i> mempertingkatkan pengetahuan tentang teknologi masa kini dan masa hadapan.	2 (0.9)	14 (6.5)	49 (22.7)	109 (50.5)	42 (19.4)	3.81	Tinggi
Pembangunan kilang pemprosesan makanan seperti <i>Palsgaard</i> meningkatkan kemahiran dan teknikal sumber tenaga manusia dalam pengendalian makanan yang diproses seperti makan dalam tin dan sebagainya	-	6 (2.8)	44 (20.4)	111 (51.4)	55 (25.5)	4.00	Tinggi

*Nota: 1- Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Sederhana Setuju, 4-Setuju, 5- Sangat Setuju

Sektor Kesihatan

Sektor kesihatan juga dilihat dapat menjana ekonomi disamping meningkatkan pembangunan sosial di Malaysia. Dalam sektor kesihatan sendiri terdapat pelbagai sektor-sektor sampingan yang dapat diperkembangkan. Sektor yang dinyatakan bagi borang soal selidik ini terdapat lima pernyataan yang berbeza-beza menurut projek pembinaan hospital dan kawasan kemudahan kesihatan yang didirikan di

Wilayah Iskandar. Keseluruhan nilai min yang dicatatkan bagi sektor kesihatan daripada Jadual 2 ini adalah bernilai 4.11. Bagi pernyataan pertama iaitu pembinaan hospital-hospital swasta seperti *KPJ Johor Specialist Hospital* dan *Columbia Asia Hospital* membekalkan servis dan fasiliti perubatan yang baik, nilai min yang dicatatkan adalah sebanyak 4.13. Skala Setuju bagi pernyataan ini merupakan skala tertinggi yang mencatatkan peratusan iaitu dengan 55.1% dengan jumlah responden seramai 119 orang. Skala ini diikuti dengan skala Sangat Setuju dengan jumlah peratusan dan jumlah responden seramai 29.2% (63 orang). Seterusnya, skala Sederhana Setuju dan Tidak Setuju pula mencatatkan peratusan sebanyak 15.3% dan 1% iaitu dengan jumlah responden sebanyak 33 orang dan 1 orang bagi setiap skala. Manakala, skala Sangat Tidak Setuju tidak mencatatkan sebarang peratusan ataupun jumlah responden. Hasil analisis pernyataan ini menunjukkan bahawa perancangan pembangunan kemudahan kesihatan di Wilayah Iskandar membekalkan kemudahan-kemudahan terkini dan diperlukan sama ada dari masyarakat luar ataupun masyarakat dalam negara.

Selain itu, bagi pernyataan pembangunan hospital-hospital swasta seperti *Columbia Asia Hospital* dapat memberikan perkhidmatan kesihatan bertaraf antarabangsa pula mencatatkan nilai min keseluruhan sebanyak 4.21. Bagi pernyataan ini, skala Setuju mempunyai peratusan tertinggi antara semua iaitu dengan 53.2% (115 orang). Hal ini berikutan diikuti dengan skala Sangat Setuju iaitu dengan peratusan 33.8% yang bersamaan dengan 73 orang responden. Manakala selebihnya telah memilih skala Sederhana Setuju di mana peratusan yang dicatatkan bagi skala ini ialah 13% (28 orang). Bagi skala Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju tidak mencatatkan sebarang responden bagi kedua-dua skala ini. Daripada pernyataan ini, skala-skala yang dipilih ini jelas menunjukkan bahawa rata-rata hospital yang dibangunkan di kawasan ini merupakan hospital bertaraf antarabangsa dan mempunyai fasiliti dan kepakaran yang baik.

Pernyataan pembangunan *Hospital Regency Specialist* di kawasan ini mempertingkatkan pilihan pusat kesihatan di kawasan ini pula mempunyai jumlah min sebanyak 4.15. Untuk pernyataan ini, skala yang tertinggi tercatat pada skala Setuju iaitu dengan peratusan 47.2% yang mewakili jumlah seramai 102 orang. Bagi skala kedua tertinggi pula ialah skala Sangat Setuju iaitu dengan jumlah peratusan dan jumlah bilangan responden adalah sebanyak 34.3% (74 orang). Skala berikutnya merupakan skala Sederhana Setuju dan Tidak Setuju iaitu dengan jumlah peratusan dan bilangan responden bagi kedua-dua skala ini ialah 18.1% (39 orang) dan 0.5% (1 orang) bagi setiap skala yang berikut. Manakala, skala Sangat Tidak Setuju tidak mencatatkan sebarang responden yang memilih skala ini. Menurut daripada hasil analisis ini, kepelbagaian pusat rawatan seperti *Hospital Regency Specialists* di kawasan Wilayah Iskandar meningkatkan kemudahan orang awam bagi membuat pilihan dalam mendapatkan rawatan sekiranya mereka memerlukannya.

Selain itu, pernyataan kesihatan lain seperti projek pembangunan *Afiat Healthpark* dapat memenuhi permintaan kepada kemudahan pusat kesihatan bertaraf antarabangsa mencatatkan nilai min 3.90 dan pernyataan ini mempunyai jumlah responden tertinggi pada skala Setuju iaitu dengan jumlah peratusan 58.3%. Skala ini mempunyai jumlah responden tertinggi iaitu seramai 126 orang. Skala kedua tertinggi selepas skala tersebut ialah skala Sederhana Setuju yang mempunyai jumlah peratusan dan jumlah bilangan responden seramai 19.9% (43 orang). Skala ini diikuti dengan skala-skala lain iaitu skala Sangat Setuju dan Tidak Setuju dengan peratusan dan jumlah responden adalah 17.6% (38 orang) dan 4.2% (9 orang). Skala Sangat Tidak Setuju pula didapati tidak mencatatkan sebarang responden daripada kesemua 216 responden yang menjawab borang soal selidik ini. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa projek pembangunan kesihatan yang dibangunkan di Wilayah Iskandar menepati piawaian pusat kesihatan antarabangsa yang mempunyai pelbagai kemudahan canggih dan maju.

Bagi pernyataan terakhir untuk kesihatan iaitu pembangunan *Gleneagles Medini Hospital* melonjakkan jumlah pusat kesihatan bertaraf tinggi di Wilayah Iskandar, nilai min bagi pernyataan ini adalah sebanyak 4.19. Skala tertinggi dicatatkan bagi pernyataan ini ialah skala Setuju dan diikuti dengan Sangat Setuju. Kedua-dua skala ini mencatatkan jumlah peratusan dan jumlah bilangan responden sebanyak 44.4% (96 orang) dan 38.4% (83 orang). Seterusnya, skala Sederhana Setuju pula mencatatkan peratusan responden sebanyak 15.3% yang mewakili jumlah responden seramai 33 orang. Skala Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju menunjukkan jumlah responden yang sedikit iaitu jumlah peratusan hanya 1.4% dan 0.5% dengan bilangan responden seramai 3 orang dan seorang responden

sahaja bagi setiap skala. Keputusan analisis ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan hospital-hospital swasta di Wilayah Iskandar ini mampu menarik ramai pelancong yang dianggap sebagai pelanggan dalam mendapatkan rawatan menggunakan teknologi bertaraf tinggi di Wilayah Iskandar. Nilai min bagi projek pembangunan kesihatan yang tinggi di Wilayah Iskandar yang bernilai 4.11 jelas menunjukkan bahawa perancangan pembangunan Wilayah Iskandar turut mementingkan pembangunan sosial di samping pembangunan ekonomi semata-mata. Pertumbuhan penduduk yang dijangka semakin meninggi di kawasan ini memerlukan kemudahan kesihatan yang lengkap dan pelbagai agar masyarakat yang kian bertambah di kawasan Wilayah Iskandar dapat memperoleh keperluan kesihatan yang baik dan lengkap serta akses yang mudah. Perkara sedemikian selaras dengan Kartini (2016) yang menjelaskan dalam kajian beliau bahawa proses perbandaran tidak tertumpu kepada pembangunan fizikal semata-mata dan beliau juga menyatakan bahawa Kota *Frankfurt* memperlihatkan pembentukan bandar yang mengaitkan hubungan manusia seperti pembinaan kota yang mesra pengguna dari aspek akses kepada pengangkutan awam kepada kebanyakan pusat perkhidmatan pengguna seperti pejabat pos, pusat membeli belah, pusat pengajian tinggi, sekolah, hospital yang lokasinya mudah diakses.

Jadual 2: Sektor Kesihatan

Perkara	Kekerapan dan Peratusan (%)					Min	Tahap Kepentingan
	1	2	3	4	5		
Pembinaan hospital-hospital swasta seperti <i>KPJ Johor Specialist Hospital</i> dan <i>Columbia Asia Hospital</i> membekalkan servis dan fasiliti perubatan yang baik		1 (0.5)	33 (15.3)	119 (55.1)	63 (29.2)	4.12	Tinggi
Pembangunan hospital-hospital swasta seperti <i>Columbia Asia Hospital</i> dapat memberikan perkhidmatan kesihatan bertaraf antarabangsa	-	-	28 (13)	115 (53.2)	73 (33.8)	4.21	Tinggi
Pembangunan <i>Hospital Regency Specialist</i> di kawasan ini mempertingkatkan pilihan pusat kesihatan di kawasan ini	-	1 (0.5)	39 (18.1)	102 (47.2)	74 (34.3)	4.15	Tinggi
Projek pembangunan <i>Afiat Healthpark</i> dapat memenuhi permintaan kepada kemudahan pusat kesihatan bertaraf antarabangsa	-	9 (4.2)	43 (19.9)	126 (58.3)	38 (17.6)	3.90	Tinggi
Pembangunan <i>Gleneagles Medini Hospital</i> melonjakkan jumlah pusat kesihatan bertaraf tinggi di Wilayah Iskandar	1 (0.5)	3 (1.4)	33 (15.3)	96 (44.4)	83 (38.4)	4.19	Tinggi

*1- Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Sederhana Setuju, 4-Setuju, 5- Sangat Setuju

Sektor Pendidikan

Pendidikan merupakan salah satu sektor terpenting yang menjadi fokus dalam membangunkan Wilayah Iskandar. Pelbagai pembangunan pendidikan yang dirancang untuk dibangunkan di kawasan Wilayah

Iskandar seperti institut pengajian tinggi dan sekolah-sekolah swasta yang menyediakan pelbagai jenis aliran pembelajaran. Dalam sektor ini, terdapat lima pernyataan yang dinyatakan bagi tujuan penganalisan mengikut jenis pembangunan pendidikan. Keseluruhan min yang dicatatkan bagi sektor pendidikan ini adalah berjumlah 3.95. Pernyataan pertama bagi sektor pendidikan ini ialah kewujudan pelbagai institusi pendidikan seperti *University of Southampton Malaysia* meningkatkan peluang pendidikan bagi masyarakat tempatan dan nilai min bagi pernyataan ini adalah sebanyak 3.88. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa skala yang paling tinggi nilai peratusan bagi pernyataan ini merupakan pernyataan Setuju di mana jumlah peratusannya adalah sebanyak 50.5% dengan jumlah responden seramai 109 orang. Skala kedua tertinggi pula adalah pada skala Sederhana Setuju dengan jumlah peratusan dan jumlah bilangan adalah sebanyak 26.4% (57 orang) dan diikuti dengan skala Sangat Setuju dengan jumlah peratusan 20.4% yang mewakili 44 orang. Selebihnya responden telah memilih skala Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju di mana kedua-dua skala ini mempunyai jumlah peratusan dan bilangan responden sebanyak 2.3% (5 orang) dan 0.5% (1 orang) bagi setiap skala ini. Hasil analisis pernyataan ini menunjukkan bahawa kepelbagaian universiti yang dibangunkan di kawasan ini banyak memberikan alternatif lain bagi masyarakat Gelang Patah dalam menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Seterusnya pula adalah pernyataan pembangunan universiti swasta seperti *University of Reading Malaysia* membekalkan peluang pendidikan bertaraf antarabangsa di Wilayah Iskandar mempunyai nilai min sebanyak 4.00. Bagi pernyataan ini, skala tertinggi yang dicatatkan adalah pada skala Setuju di mana jumlah peratusannya adalah 49.5% yang mewakili 107 orang responden. Skala Setuju pula mempunyai peratusan dan jumlah bilangan responden sebanyak 25.5% (55 orang) serta diikuti dengan skala Sederhana Setuju yang mempunyai peratusan responden sebanyak 24.5% bersamaan dengan 53 orang responden. Selebihnya pula adalah pada skala Tidak Setuju di mana skala ini mempunyai jumlah peratusan sebanyak 0.5% dengan hanya seorang responden sahaja. Bagi pernyataan Sangat Tidak Setuju pula tidak mempunyai sebarang responden bagi pernyataan ini. Oleh itu, analisis kepada pernyataan ini menunjukkan bahawa pembangunan hub-hub pendidikan di kawasan ini meningkatkan akses dan peluang kepada penduduk setempat Gelang Patah dalam mendapatkan pendidikan yang baik.

Selain itu, untuk pernyataan yang ketiga iaitu pernyataan pembangunan institusi pendidikan seperti *Netherlands Maritime Institute of Technology* mempertingkatkan jumlah aliran pendidikan di kawasan Wilayah Iskandar, nilai min bagi pernyataan ini pula adalah sebanyak 3.94. Skala tertinggi bagi pernyataan ini ialah pada skala Setuju dengan jumlah peratusan 47.2% iaitu mewakili jumlah responden sebanyak 102 orang. Skala ini pula diikuti dengan skala Sangat Setuju dan Sederhana Setuju di mana kedua-duanya mempunyai jumlah peratusan dan bilangan responden yang sama iaitu 25% (54 orang). Seterusnya adalah daripada skala Tidak Setuju iaitu dengan peratusan 1.9% dengan jumlah responden sebanyak 4 orang manakala skala yang paling sedikit dipilih responden merupakan skala Sangat Tidak Setuju dengan peratusan 0.9% iaitu seramai 2 orang responden. Analisis ini jelas menunjukkan bahawa kepelbagaian pusat pendidikan yang dibangunkan di kawasan Wilayah Iskandar memberikan jalan kepada masyarakat berdekatan dalam menceburi bidang yang berlainan daripada bidang-bidang lain.

Bagi pernyataan Projek pembangunan pendidikan seperti *Management Development Institute of Singapore* mewujudkan peluang pendidikan yang pelbagai di Wilayah Iskandar, nilai min keseluruhan bagi pernyataan ini adalah 3.96. Skala yang paling tinggi dicatatkan pada pernyataan ini pula merupakan skala Setuju di mana jumlah peratusan dan bilangan responden bagi skala ini adalah sebanyak 51.4% (111 orang). Skala ini pula diikuti dengan skala Sangat Setuju dan Sederhana Setuju di mana kedua-dua skala ini mencatatkan peratusan 23.6% dan 22.7% yang mewakili jumlah responden 51 orang dan 49 orang. Bagi Tidak Setuju pula, peratusan responden yang telah memilih skala ini ialah 1.9% yang merupakan 4 orang daripada kesemua 216 responden yang telah menjawab borang soal selidik ini. Manakala skala paling sedikit yang dicatatkan bagi pernyataan ini ialah ada skala Sangat Tidak Setuju di mana skala ini mempunyai peratusan 0.5% iaitu hanya 1 orang sahaja yang telah memilih skala ini. Hasil analisis yang dilakukan bagi pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa kepelbagaian institut pengajian tinggi swasta memperluas peluang kerjaya yang wujud di Wilayah Iskandar.

Pernyataan yang terakhir iaitu pembangunan *Marlborough College Premier British Boarding School* juga mencatatkan nilai min 3.97. Dalam pernyataan ini, jumlah responden tertinggi dicatatkan adalah

pada skala Setuju di mana peratusan bagi skala ini mencatatkan sebanyak 48.6% yang mewakili 105 responden daripada kesemua 216 orang responden. Skala kedua tertinggi selepas skala ini pula adalah dari skala Sangat Setuju yang mana peratusan mencatatkan sebanyak 25.5% iaitu seramai 55 orang responden bagi skala ini. Bagi skala Sederhana Setuju dan Tidak Setuju, peratusan dan jumlah responden yang dicatatkan bagi kedua-dua skala ini ialah seramai 23.6% (51 orang) dan 2.3% (5 orang). Hasil analisis pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan Wilayah Iskandar ini juga tidak hanya mendirikan pelbagai institut pengajian tinggi sahaja, namun ia juga melonjakkan pelbagai jenis pusat pendidikan yang lain walaupun tahap pendidikan yang berbeza-beza.

Nilai min tinggi yang dicatatkan bagi projek pembangunan pendidikan iaitu 3.95 menunjukkan bahawa pembangunan pendidikan banyak dibangunkan di Wilayah Iskandar memandangkan ianya adalah perancangan bagi membangunkan kawasan-kawasan tersebut menjadi sebuah wilayah mega. Pembangunan pendidikan yang dibangunkan ini tidak hanya tertumpu kepada sesuatu peringkat semata-mata. Ia juga menumpukan kepada pelbagai jenis pendidikan termasuklah pendidikan sekolah rendah, menengah dan institut pengajian tinggi. Bagi menyeimbangkan pembangunan sosioekonomi di kawasan ini, pembangunan pendidikan perlu menjadi antara fokus utama supaya pembangunan ini tidak hanya tertumpu kepada ekonomi semata-mata seperti yang disoroti kepada Noraniza et al. (2011) pembangunan komuniti juga merupakan satu tindakan yang diambil untuk meningkatkan pencapaian komuniti kepada kemudahan ekonomi, kesihatan, pendidikan dan kemudahan sosial yang lain bagi mengurangkan masalah dalam komuniti yang berkaitan dengan aspek-aspek sosial serta ekonomi tersebut. Berdasarkan kajian yang menyusuri sejarah pembangunan masyarakat dan kawasan oleh Zulkarnain et al. (2008) juga menyatakan bahawa usaha berterusan secara berperingkat perkhidmatan kesihatan luar bandar membolehkan kualitinya berubah serta peluasan perkhidmatan kesihatan terutama pada dua abad awal selepas merdeka merupakan hasil daripada peningkatan dalam populasi. Oleh hal yang demikian, usaha membangunkan kawasan Wilayah Iskandar merupakan usaha yang berterusan menelusuri pelbagai aspek termasuklah aspek pendidikan bagi menjamin pembangunan berterusan bagi generasi yang akan datang bagi masyarakat di Wilayah Iskandar.

Jadual 3: Sektor Pendidikan

Perkara	Kekerapan dan Peratusan (%)					Min	Tahap Kepentingan
	1	2	3	4	5		
Kewujudan pelbagai institusi pendidikan seperti <i>University of Southampton</i> Malaysia meningkatkan peluang pendidikan bagi masyarakat tempatan	1 (0.5)	5 (2.3)	57 (26.4)	109 (50.5)	44 (20.4)	3.88	Tinggi
Pembangunan universiti swasta seperti <i>University of Reading</i> Malaysia membekalkan peluang pendidikan bertaraf antarabangsa di Wilayah Iskandar	-	1 (0.5)	53 (24.5)	107 (49.5)	55 (25.5)	4.00	Tinggi
Pembangunan institusi pendidikan seperti <i>Netherlands Maritime Institute of Technology</i> mempertingkat jumlah aliran pendidikan di kawasan Wilayah Iskandar	2 (0.9)	4 (1.9)	54 (25.0)	102 (47.2)	54 (25)	3.94	Tinggi
Projek pembangunan pendidikan seperti <i>Management</i>	1 (0.5)	4 (1.9)	49 (22.7)	111 (51.4)	51 (23.6)	3.96	Tinggi

<i>Development Institute of Singapore</i> mewujudkan peluang pendidikan yang pelbagai di Wilayah Iskandar	-	5	51	105	55	3.97	Tinggi
Pembangunan <i>Marlborough College Premier British Boarding School</i> memberikan pendidikan persekolahan bertaraf antarabangsa kepada pelajar		(2.3)	(23.6)	(48.6)	(25.5)		

*1- Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Sederhana Setuju, 4-Setuju, 5- Sangat Setuju

Kesimpulan

Kemajuan sesuatu kawasan yang dibangunkan bukan sahaja bergantung kepada kemajuan fizikal semata-mata. Namun ia juga merangkumi kemajuan sosial yang merangkumi kemajuan kualiti kesihatan masyarakat setempat serta masyarakat luar. Hal yang demikian ia juga dapat mempengaruhi produktiviti dan kualiti sosial masyarakat setempat untuk berada pada landasan yang lebih baik. Projek pembangunan kesihatan menjadi antara salah sebuah projek pembangunan yang mencatatkan nilai tertinggi adalah kerana ia merupakan projek pembangunan yang nyata dan didirikan di pelbagai kawasan di seluruh Wilayah Iskandar seperti *Gleneagles Hospital* di Iskandar Puteri, *Columbia Asia Hospital* di Nusajaya, *Regency Specialist Hospital* di Masai, dan pelbagai lagi hospital didirikan bagi meningkatkan kemajuan sektor kesihatan di kawasan Wilayah Iskandar. Seterusnya, sektor projek pembangunan kilang perindustrian pula mencatatkan jumlah min 3.88. Sektor pembangunan kilang perindustrian ini merupakan antara salah sebuah sektor yang difokuskan untuk menjadi tunggak kepada pembangunan Wilayah ini dek kerana faedah-faedah yang diperoleh di samping faedah ekonomi semata-mata. Dengan berlakunya pembangunan daripada sudut perindustrian, maka pelbagai lagi kemudahan-kemudahan yang lain turut didirikan bagi menampung keperluan pihak-pihak tertentu dalam menjalankan aktiviti-aktiviti industri serta menampung keperluan pekerja-pekerja sektor perkilangan. Pembangunan sektor pendidikan pula mencatatkan jumlah min iaitu 3.95 yang merupakan jumlah min paling sedikit antara sektor-sektor yang lain. Pembangunan sektor pendidikan ini semakin giat membangun di kawasan Wilayah Iskandar serta kawasan sekitar. Fokus pembangunan institusi pendidikan tersebut merupakan kepada masyarakat yang berpendapatan tinggi memandangkan kebanyakan institusi pendidikan di kawasan ini berteraskan konsep swasta yang mempunyai harga servis yang tinggi. Usaha ini merupakan antara salah sebuah usaha yang baik bagi menggalakkan migrasi masuk ke kawasan-kawasan yang baharu dibangunkan di kawasan sekitar Wilayah Iskandar. Perkara ini sedikit sebanyak dapat mempertingkatkan kadar celik huruf di kalangan masyarakat tempatan serta menyeimbangkan hubungan pembangunan infrastruktur dan pembangunan komuniti Malaysia dalam meningkatkan ekonomi komuniti dari sudut pendapatan dan sosial. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan ini, jelaslah menunjukkan bahawa pelbagai jenis pembangunan yang dilaksanakan di Wilayah Iskandar ini banyak memberi impak positif kepada masyarakat Gelang Patah yang dahulunya hanya tertumpu kepada sektor luar bandar sahaja. Perubahan yang dialami bukan sahaja daripada sektor ekonomi semata-mata, namun sektor sosial juga mengalami impak sedikit demi sedikit hasil daripada pembangunan yang dilaksanakan ini. Oleh itu, diharapkan impak-impak ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada agensi pembangunan pada masa hadapan dalam mengatur strategi untuk membangunkan sesuatu kawasan serta mengambil kira kesan biasan pembangunan yang dialami oleh kawasan sekitar pembangunan tersebut seperti kawasan Wilayah Iskandar dan Gelang Patah.

Rujukan

Abdul Samad Hadi. (2010). Urbanisasi di Malaysia: Mengaitkan Kepelbagaian Proses ke Bentuk Perbandaran. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 11(2), 21-31

- Anuar Amir. (2004). Merentasi Dikotomi Bandar/Desa: Ke Arah Pewilayahan Petempatan Yang Mengalami Tekanan Pembandaran Anuar bin Amir Luar Bandar Limpahan. *Jurnal Alam Bina*, 6(2).
- Asan Ali Golam Hassan. (2008). *Falsafah pembangunan dan masalah demo-sosioekonomi semasa*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Brueckner, J. K. (2000). Urban sprawl: Diagnosis and remedies. *International Regional Science Review*, 23, 160–71.
- Bunnell, T. (2002). Multimedia Utopia? A geographical critique of high-tech development in Malaysia's Multimedia Super Corridor. *Antipode: A radical Journal of Geography* 34, 265-295.
- Chandran V.G.R & Pandiran. (2008). *Technical Efficiency And Technological Change In Malaysian Service Industries*. Department of Economics, Faculty of Business Administration, University Technology MARA
- Fatimah Yusof, Katiman Rostam, & Zikri Muhammad. (2008). Bandar berdaya saing vis-a-vis pembangunan bandar lestari: Suatu wacana tentang pembangunan bandar di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 4, 85 – 98.
- Gordon, P., & Richardson, H. (2000). Critiquing Sprawl's Critics. *Policy Analysis*, 365, 1–18.
- Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2013). Dasar Pembangunan Negara Malaysia Secara Ekuitabel ke Arah Negara Maju Melalui Wahana Bahasa Kebangsaan. Prosiding Perkem VIII, hlm. 279 – 296.
- Katiman Rostam, Er, A. H., Zaini Sakawi, Abdul Rahim Mohd Nor, & Aishah@Esah Hj. Muhammad. (2011). Pembandaran di Pinggir Wilayah Metropolitan Lanjutan: Beberapa implikasi terhadap Corak dan Kualiti Kejiranan. *Akademika*, 81(3),19-29.
- Lembaga Pertubuhan Peladang. (2006). *Berita Transformasi Pertanian*. Kuala Lumpur: Lembaga Pertubuhan Peladang.
- Mohd Yusof Hussain. (2013). Prakata: Dinamik Dan Kualiti Hidup Bandar. *Akademika*, 83(1), 3-5.
- Noraniza Yusoff, Azlizan Talib, & Yusuf Pon. (2011). Impak Pembangunan Infrastruktur ke atas Pembangunan Komuniti di Daerah Pendang dan Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, Malaysia. *Journal of Governance and Development*, 7, 16-36.
- Rosniza Aznie Che Rose, Abdul Rahim Md Nor, Asmah Ahmad, Amriah Buang & Rosmiza Mohd Zainol. (2011). Pemantauan keberkesanan pembangunan wilayah Malaysia dalam aspek penduduk tempatan di Iskandar Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 7, 40-54.
- Selvandran Katheerayson. (2012). Iskandar Malaysia: Transformasi Pembangunan Ke Arah Pertumbuhan dan Kemajuan. <https://www.khazanah.com.my/About-Khazanah/Our-Case-Studies/Khazanah-360/Iskandar-Malaysia?lang=ms-my> [6 Oktober 2019]
- UNDP. (2010). The Real Wealth of Nations: Pathways to Human Development. http://hdr.undp.org/sites/default/files/reports/270/hdr_2010_en_complete_reprint.pdf. [Diakses pada 12 Oktober 2019].
- Yahaya Ibrahim. (2009). *Komuniti Pembangunan dan Transformasi*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zuhail Karakayaci. (2016). The Concept of Urban Sprawl and Its Causes. *The Journal of International Social Research*, 9, 45.
- Zulkarnain A. Hatta, Sivamurugan Pandian & Azeem Fazwan Ahmad Farouk. (2008). Pembangunan Sosial 50 tahun merdeka. *Jurnal Kemanusiaan*, 12.